



"MENGEKALKAN KETAKWAAN DIMUSIM JAMUAN".1


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ﴿يَبْنِي ءَادَمَ خُدُوًا زَيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَأَشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾¹</p>	<p>2</p>
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	<p>3</p>
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	<p>4</p>
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah sama-sama kita terus berusaha memperkukuh ketakwaan kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala perintah dan suruhan-Nya serta menjauhi segala larangan dan tegahan-Nya. Semoga dengan demikian, kita mendapat limpahan kasih dan rahmat daripada Allah SWT.</p>	<p>5</p>
<p>Pada hari ini, mimbar jumaat akan mengupas sebuah topik yang berkaitan dengan sikap dan mentaliti manusia tentang pengurusan makanan, melalui tajuk "MENGEKALKAN KETAKWAAN DI MUSIM JAMUAN."</p> <p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	<p>6</p>

¹ Al-A'raf : 31.



<p>Makanan dan minuman adalah salah satu keperluan terpenting dalam kehidupan manusia. Kepentingan makanan dan minuman dapat dilihat apabila Imam Al-Ghazali di dalam Ihya`nya menukilkan kata-kata dari generasi salafussoleh yang menyebutkan :</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الْأَكْلَ مِنَ الدِّينِ</p> <p style="text-align: center;"><i>“Sesungguhnya makan itu sebahagian daripada agama.”</i></p>	7
<p>Kenyataan ini memberi pengertian bahawa makanan dan minuman perlu dijadikan wasilah untuk mendapatkan kekuatan dalam menegakkan agama dengan beramal soleh, menuntut ilmu, mencari nafkah yang halal dan aktiviti-aktiviti lain yang bermanfaat.</p>	8
<p>firman Allah Taala dalam Surah Al-Mukminun ayat 51, yang telah mengaitkan amal soleh dengan perbuatan makan.</p> <p style="text-align: center;">كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا</p> <p style="text-align: center;"><i>“Makanlah dari benda-benda Yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh.”</i></p>	9
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Kini, setelah berlalunya 1 Syawal, umat Islam di pelbagai tempat di negara ini akan mengadakan rumah terbuka dan jamuan makan bagi mengeratkan hubungan ukhuwwah sesama masyarakat setempat. Alhamdulillah, ianya merupakan salah satu nikmat Allah SWT dan juga petanda negara ini masih aman dan makmur. Jamuan makan melalui pendekatan rumah terbuka, masjid terbuka, jamuan Eidil Fitri di hotel, surau, sekolah dan balai raya muncul di sana sini ‘bak cendawan tumbuh selepas hujan’. Namun disebalik kemeriahan menganjurkan jamuan, ia mesti diuruskan dengan bijak agar tidak menjadi penyumbang kepada pembaziran makanan.</p>	10



<p>Dalam hal ini, Allah SWT telah mengingatkan kita melalui firmanNya dalam surah Al-A`raf ayat 31:</p> <p style="text-align: center;"> وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ</p> <p><i>“Dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau, Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampau batas.”</i></p>	11
<p>Sifat al-israf atau melampau ialah melakukan suatu perkara yang melebihi had munasabah. Dalam konteks makan dan minum, had yang dikira melampau ialah apabila seseorang itu mengambil makanan melebihi kadar keperluan fizikalnya atau masih meneruskan makan sedangkan dia sudah merasa kenyang. Hal ini boleh menimbulkan pelbagai kesan buruk kepada fizikal, mental, ekonomi dan alam sekitar. Bahkan mudah terkena penyakit, timbul sikap malas, kurang produktif serta boleh menyebabkan pembuangan makanan dan mengakibatkan pencemaran alam sekitar.</p> <p>Muslimin Jumaat yang dikasihi,</p>	12
<p>Menurut kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Solid Waste Corporation) pada tahun 2017, setiap hari, rakyat Malaysia dilaporkan telah membuang tidak kurang 3 juta kilogram makanan yang masih boleh dimakan. Dan jumlah itu meningkat 2 kali ganda di musim Ramadhan dan Syawal dengan angka makanan yang dibazirkan dalam dua bulan tersebut mencecah 9 juta kilogram sehari. Ini bermakna, kira-kira 540 juta kilogram makanan yang tidak habis atau diusik dalam tempoh dua bulan tersebut, berakhir di tapak pelupusan</p>	13



<p>Laporan ini seharusnya menimbulkan keinsafan dan kesedaran betapa pembaziran makanan yang berlaku di negara ini berada di tahap yang membimbangkan. Lebih-lebih lagi ia dilaporkan berlaku dengan ketara di bulan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan umat Islam iaitu Ramadhan dan Syawal. Kita perlu bermuhasabah kembali kerana perangkaan ini menjadi petunjuk betapa umat Islam di negara ini dilihat masih belum benar-benar berjaya menterjemahkan kebaikan Ramadhan dalam diri seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT.</p>	14
<p>Mari kita renung kembali objektif syarak di sebalik pensyariatan ibadah puasa. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 183:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ</p>	15
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”</i></p>	16
<p>Berdasarkan ayat ini, sebenarnya ibadah puasa disyariatkan dengan tujuan meningkatkan ketaqwaan manusia. Ini kerana latihan menahan diri dan hawa nafsu dari semua perkara yang membatalkan puasa akan dapat meningkatkan kualiti ketakwaan kepada Allah SWT.</p>	17
<p>Ubai bin Ka`ab Radhiallahu Anhu pernah ditanya oleh Umar bin Al-Khattab r.a tentang apakah hakikat taqwa? Lalu Ubai bertanya kembali kepada Umar, “Bagaimanakah keadaan kamu ketika berjalan di suatu lorong yang penuh dengan onak dan duri?” Umar menjawab : “Saya akan berjalan dengan penuh hati-hati.” Lalu Ubai berkata : “Demikianlah hakikat taqwa...”</p>	18



<p>Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,</p> <p>Takwa ialah sebuah proses membina sikap waspada ketika berfikir, berkata-kata dan melakukan sesuatu tindakan, lalu memilih yang halal serta meninggalkan yang haram, dan melaksanakan suruhan Tuhan serta meninggalkan tegahan-Nya. Inilah yang dikehendaki oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya ketika mensyariatkan ibadah puasa di bulan Ramadhan tempoh hari.</p>	19
<p>Justeru, umat Islam perlu bermuhasabah dan meningkatkan kawalan diri dengan membezakan di antara kemahuan dan keperluan ketika menyediakan, membeli atau mengambil makanan. Sikap acuh tak acuh atau tanggapan 'makanan biar lebih dari tidak mencukupi' perlu difikirkan semula kerana realitinya, ia menjadi punca pembaziran dan kerosakan.</p>	20
<p>Ketika Allah SWT mengizinkan kita makan dan minum, Dia juga telah mengingatkan kita, makan jangan sampai menimbulkan kerosakan. Allah berfirman di dalam surah Al-Baqarah, ayat 60:</p> <p>كُلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعَثُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ</p> <p><i>"Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi."</i></p>	21



<p>Justeru umat Islam perlu terus membina kesedaran dan mengubah budaya makan secara berlebih-lebihan kepada budaya makan dengan sederhana. Ramadhan yang berlalu, sewajarnya dijadikan semangat untuk memperkukuh diri dalam mendidik nafsu dan mengawal kehendak diri, agar kita menjadi insan bertaqwa di sepanjang tahun.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p>	22
<p>Mengakhiri khutbah ini, terdapat beberapa kesimpulan dan pengajaran yang boleh kita renungkan:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam mestilah meyakini bahawa perbuatan pembaziran itu adalah dilarang oleh Allah SWT dan wajib kita jauhi.2. Umat Islam perlu menjadikan makanan sebagai wasilah penguat diri untuk melakukan kebaikan, bukan penyebab kepada penyakit dan kemalasan.3. Umat Islam hendaklah menginsafi diri ketika kita sedang menikmati makanan. Ini kerana masih terdapat saudara seislam lain yang kelaparan dan memerlukan makanan.	23
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنْ أَهْوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾</p>	24
<p><i>“Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, (untuk dihitung amalnya), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu. Maka Sesungguhnya syurgalah tempat kediamannya.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Nazi'at : 40-41).</i></p>	25



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	26
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	27



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَانِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تغكو أمير شاه إنبالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15